

**UCAPAN penggulungan perbahasan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung UMNO ke-54 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 21 Jun, 2003.**

**"Dulukan Bangsa Utamakan Parti"**

TERLEBIH dahulu saya berasa bersyukur kerana buat kali terakhir saya membuat ucapan ini terdapat begitu ramai sekali yang hadir bukan saja perwakilan tetapi juga pemerhati di luar. Saya diberitahu bahawa ramai juga yang berada di luar. Alhamdulillah, ini menyatakan bahawa parti benar-benar mempunyai sokongan. Sokongan daripada wakil kita hargai.

Tetapi wakil sendiri tidak boleh memberi kemenangan kepada kita. Kita perlu mereka yang menjadi ahli biasa, yang datang sebagai pemerhati. Merekalah yang akan menjalankan banyak tugas semasa kita mengadakan pilihan raya, sebab itu kita menghargai minat mereka untuk hadir ke mesyuarat ini.

Sekali lagi saya mohon maaf kerana terpaksa keluar daripada dewan semasa perbahasan berlaku dan oleh kerana itu tidak dapat mendengar semua yang disuarakan oleh wakil-wakil. Tetapi saya juga dapat laporan berkenaan apa yang diperkatakan dan juga saya dapat mengikuti melalui televisyen yang disediakan. Jadi saya harap mereka yang bercakap semasa saya tidak berada di dalam dewan janganlah berasa kecewa, bukan saya tidak berminat, saya berminat tetapi ada tugas-tugas lain yang perlu saya teruskan.

Saya tidak dapat jawab semua perkara-perkara yang dibangkitkan semasa perbahasan. Saya juga ingin ucap tahniah kepada semua yang hadir kerana ketertiban mesyuarat kita ini. Walaupun pada mulanya ada ura-ura perkara-perkara tertentu akan berlaku tetapi Alhamdulillah walaupun begitu ramai yang ada di sini, tidak ada apa yang tidak tertib berlaku. Ini adalah sifat yang ada pada UMNO. Jangan sekali-sekali kita meniru cara-cara orang lain yang mana mesyuarat tidak dapat diadakan dengan cara tertib.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kerana kebanyakan daripada ucapan-ucapan yang disampaikan walaupun berkenaan ekonomi ataupun pendidikan dan agama tetapi menyebut tentang sokongan kepada diri saya. Saya kadang-kadang mempermainkan anugerah yang diberikan kepada saya oleh jurucakap-jurucakap iaitu apa yang saya panggil YDK. YDK ialah yang dikasihi. Walaupun saya bermain title ini tetapi sebenarnya saya amat menghargainya.

Saya anggap ia adalah ditujukan kepada Presiden parti kita, parti UMNO. Kalau Presiden parti tidak disayangi oleh ahli-ahli UMNO, itu adalah petanda parti kita akan berpecah. Oleh itu apabila disuarakan perasaan kasih kepada Presiden bermakna kita kasih kepada parti dan kita kasih kepada perjuangan parti untuk bangsa, agama dan tanah air. Oleh itu teruskanlah amalan ini kepada Presiden yang akan datang. Biasanya bila kita ada perbahasan, tumpuan ialah kepada mengkritik apa yang tidak kena pada pendapat kita iaitu kita mengkritik tentang kerajaan, urusan kerajaan, jabatan kerajaan.

Kita kritik terhadap parti juga, kepimpinan parti, Majlis Tertinggi. Saya biasa dengar sekali ada cabaran supaya yang duduk di atas itu turun ke bawah. Tetapi Alhamdulillah hari ini kita mesyuarat ia tidak ada kritikan yang terlalu sangat terhadap parti ataupun

kepada kerajaan. Ramai yang menyatakan sokongan kepada parti, tindakan parti dan dasar-dasar kerajaan yang telah diperkenalkan.

Walaupun kritikan ini memang wajar, kita perlu dikritik kerana tanpa kritik kita akan terus dengan apa yang kita lakukan walaupun ia tidak baik dan tidak kena kalau tidak ada kritik. Sebab itu dalam perbahasan mesyuarat agung ini kita selalu membuat kritik, dan dengan kritik itu maka dapatlah kita faham yang mana perlu dibetulkan.

Tetapi kadang kala berlaku juga yang mana kritikan itu terlalu sangat sehingga ia menjadi bahan dan isu untuk parti lawan hentam kita balik. Kita tidak mahu kritik semacam itu, kita mesti kritik secara yang membina. Jika ini dapat diamalkan oleh parti kita sepanjang masa insya-Allah segala kesalahan yang dilakukan oleh parti, kepimpinan parti ataupun oleh kerajaan kerana kita adalah parti pemerintah, maka dapatlah kita betulkannya dan dengan itu negara kita akan menjadi lebih sempurna ditadbir dan dibangunkan dengan lebih baik.

Justeru itu, teruskanlah dengan kritikan tetapi fikirkan sama tentang sama ada kritikan kita itu membina ataupun tidak ataupun ia akan dijadikan bahan untuk parti lawan menyerang kita. Janganlah kita memberi senjata untuk orang lain menikam kita balik.

Oleh itu dalam UMNO semasa kita membuat kritikan, bahasa kita mesti dijaga dan tumpuan kritikan itu juga perlu dijaga dengan baik. Sepatutnya dalam mesyuarat kita bertumpu kepada masalah yang kita hadapi. Di antara masalah yang kita hadapi ialah masalah parti lawan khususnya bagi UMNO ialah parti Pas. Parti Pas ini ialah parti yang menentang kita dengan memperalatkan agama Islam. Agama kita diperalatkan oleh mereka.

Tadi, Timbalan Presiden telah berkata bahawa parti Pas ini penubuhannya diiktiraf oleh pihak British. Ini memang sejarah amalan British, divide and rule. Di India umpamanya, mereka mengizinkan penubuhan gerakan Qadiani. Tujuannya ialah supaya orang Islam berpecah belah. Mungkin mereka akan berkata mereka tidak faham apa itu Qadiani dan dengan itu mereka memberi galakan kepada penubuhan Qadiani. Tetapi ia berjaya memecahbelahkan orang Islam di India dan juga sekarang ini di Pakistan dan dengan itu orang Islam menjadi lemah.

Di Malaysia, penubuhan Pas direstui oleh pihak British dengan tujuan yang sama. Mereka tidak bertanya kepada raja-raja atau sesiapa apakah patut mereka memberi kebenaran kepada penubuhan parti Pas ini sedangkan mereka berkata bahawa raja-raja bertanggungjawab berkenaan soal-soal agama. Tetapi mereka tidak sama sekali bertanya kepada raja-raja walaupun mereka berhadapan dengan permintaan oleh Pas untuk menubuhkan parti Pas. Ini kerana bagi mereka ia adalah pendekatan yang agak baik.

Pada masa itu orang Melayu sedang begitu kuat memberontak meminta agar negara kita dibebaskan. Untuk melemahkan orang Melayu apakah cara yang lebih berkesan daripada memecah belahkan mereka dengan penubuhan sebuah lagi parti orang Melayu yang boleh bersaing dengan UMNO. Parti itu ialah parti Pas dan sehingga sekarang ini, duri dalam daging bagi orang Melayu ialah parti Pas. Pas bukan parti Islam, Pas adalah parti yang memperalatkan Islam. Baru-baru ini, Perdana Menteri Turki datang ke sini. Apabila parti Perdana Menteri Turki menang, dan mengadakan

mesyuarat mereka, wah, orang Pas pun pergi ke sana dengan berkata bahawa sekarang ini orang Islam sudah menang, orang sekular sudah kalah. Benar, tetapi parti itu tidak semacam parti Pas. Kata Perdana Menteri Turki, ia tidak hendak memasukkan perkataan Islam ini ke dalam nama parti ini kerana katanya, kalau dimasukkan nama Islam itu ke dalam nama parti, kalaulah parti itu membuat sesuatu yang salah, maka dianggap Islam itu salah.

Sebagai parti politik, tentulah ada kelemahan dan kesalahan yang disebabkan oleh manusia, bukan oleh agama. Disebabkan oleh manusia tetapi apabila disamakan parti dengan agama, apabila manusia buat salah, maka agama dituduh salah. Inilah yang menjadi masalah kepada kita apabila parti menggunakan dan memperalatkan Islam sehingga mereka boleh menghina Islam. Namun, mereka masih juga dianggap sebagai parti Islam dan mendapat sokongan daripada orang Islam.

Mereka sudah lari jauh dari agama Islam. Pada mulanya, tidak begitu teruklah. Semasa Burhanuddin Al-Helmi tidak begitu teruk. Pergi kepada Asri dan sekarang ini, Nik Aziz dan yang meninggal dulu, Fadzil Noor. Dan sekarang ini dipangku oleh Hadi dan Nik Aziz. Mereka sudah lari jauh. Yang menuduh orang UMNO ini kafir satu perkara, mungkin kerana mereka tidak tahu apa makna kafir, kerana kejahilan mereka jelas sekali. Tetapi sekarang sudah mereka sampai kepada tahap berkata Tuhan mencarut. Tuhan samseng. Ini sudah jauh lari daripada ajaran Islam. Kita tahu dalam Al-Quran disebut beberapa kali supaya kita jangan samakan Tuhan dengan apa-apa lain. Tuhan adalah sesuatu yang unggul. Tidak ada sama bandingnya, kita tidak boleh kata batu itu boleh memberi sesuatu kepada kita sama seperti yang Tuhan boleh memberi kepada kita. Itu tak boleh, dilarang dalam Islam. Tapi Pas menyamakan seorang pemimpin Pas sama dengan Tuhan. Apabila pemimpin Pas ini mencarut, untuk melepaskannya daripada kritikan orang lain, Nik Aziz kata Tuhan pun mencarut. Saya tanya Nik Aziz, di Kelantan, masa saya pergi ke Kelantan, saya buat ucapan, saya tanya suruh dia buktikan dalam Quran di mana ada perkataan mencarut dalam itu.

Adakah tidak perkataan PM itu, ialah nak kata PM, saya tahu lah Perdana Menteri pun boleh tapi dia kata PM itu, saya sendiri nak sebut pun tak boleh di sini, malu nak sebut, ini orang ini tulis dalam buku dia, dan Nik Aziz kata ini Tuhan cakap macam ini. Tolong cari dalam Quran dan dalam buku buku kitab-kitab yang sahih, dalam hadis nabi, bila ada perkataan PM itu, Quran atau Hadis, siapa di sini yang tahu, atau pun di luar. Saya cabar seluruh Malaysia, dan seluruh dunia Islam buktikan ada Tuhan berkata perkataan PM. Tetapi pengikut Pas dengan buta tuli masih sokong Nik Aziz. Saya tak faham. Apabila Nik Aziz kata Tuhan mencarut, saya ingat, semua orang Pas akan lari daripada Nik Aziz kerana mereka akan turut berdosa.

Tetapi jauh daripada lari dari Nik Aziz, mereka terus mempertahankan Nik Aziz apabila Nik Aziz kata, Tuhan mencarut, Tuhan adalah samseng. Kita tahu Tuhan ada 99 nama, dan kita berdoa Ya Aziz, Ya Wadud, Ya Rahim dan macam-macam nama lain yang ada kepada Tuhan. Tetapi di antara 99 nama ini, tidak terdapat samseng. Adakah terdapat? Bolehkah kita berdoa dengan berkata Ya Allah, Ya samseng. Nik Aziz kata Allah samseng. Inilah Tuhan Nik Aziz dan bukan Tuhan kita. Inikah orang yang mendakwa dirinya sebagai ulama? Wah bukan main lagi. Bukan sahaja mendakwa dirinya sebagai ulama, tetapi berkata pula bahawa ulama adalah pewaris nabi.

Ulama yang mana yang pewaris nabi ini? Masuk persatuan ulama jadi pewaris nabi? Berapa yuran bayar? Siapa nak jadi pewaris nabi? 10 ringgit yuran. Yuran masuk 10 dan yuran tahunan 5 ringgit. Tak tahulah berapa dia bayar tapi agak sayalah. Bukan main mudah nak jadi pewaris nabi. Bukan main, bukan orang yang macam ini pewaris nabi. Ulama yang tidak ada kepentingan lain yang membuat tafsiran berkenaan dengan agama, secara ikhlas, orang itu pewaris nabi. Namun yang demikian, kita harus ingat, bahawa ulama bukan nabi. Dia bukan maksum, dia bukan bebas dari kecacatan. Mungkin tafsiran yang dia buat tidak kena. Kenapa kita kata tidak kena? Kerana banyak ulama yang kita iktiraf, antara empat yang menjadi imam kepada puak sini, Hanafi, Hambali, Maliki dan Shafie.

Antara mereka pun tak semua sama. Ada yang kata boleh pegang tangan selepas wuduk, orang Perlis semua pegang tangan lepas wuduk tak apa. Tapi bukan orang Perlis sahaja. Bila kita ada buat kerja haji di Mekah, kadang-kadang bila kita sedang buat tawaf, sentuh juga, nak pakai sarung tangan dia tak bagi. Jadi tersentuh tapi tak batal kerana orang kata dia niat empat-empat imam. Jadi antara imam-imam yang kita iktiraf ini pun, terdapat perbezaan pendapat, bermakna ada yang betul, ada yang tidak betul. Tambahan pula, ada begitu banyak orang yang mentafsirkan agama kita dan mereka manusia biasa. Mungkin tafsiran mereka itu tidak betul, sebab itu kita kata, kita perlu kaji isi kandungan Al-Quran dan Hadis, apakah benar tafsiran mereka atau apakah tidak benar kerana tafsiran yang dibuat 200 tahun selepas wafat Nabi dengan 1400 tahun selepas wafat Nabi.

Tafsiran itu ditujukan kepada keadaan di masa itu. Keadaan sekarang berbeza. Tak semacam pada 200 tahun hijrah. Sekarang ini sudah 1400 hijrah. Keadaan sudah berbeza dan kadang-kadang kita tahu juga ada raja-raja di zaman itu yang boleh dikatakan membuat kerja-kerja yang tidak betul tetapi terdapat ulama yang berkata boleh. Tetapi ada ulama yang berkata boleh diizinkan oleh agama Islam.

Sebab itu Raja Turki ada 370 gundik, empat isteri. Kita boleh percaya bahawa agama Islam suruh kita benda buat macam tu? Tidak ada. Semua soal nafsu saja. Dia diizinkan oleh orang yang berkerja dengannya. Jadi ada tafsiran-tafsiran yang tidak betul yang perlu kita kaji. Kita kena ambil kira keadaan sekarang ini. Dalam Quran disuruh kita tunggang kuda, kita ada pemanah, ada tombak untuk mempertahankan umat Islam. Kalau umat Islam di zaman ini mempunyai tombak dengan anak panah, adakah dengan pemanah kita hendak mempertahankan diri dengan lawan yang menggunakan missile atau peluru berpandu?

Dengan serangan bom nuklear, bolehkah kita mempertahankan umat Islam? Kita diberi cuma contoh yang relevan pada masa Nabi. Di zaman Nabi, yang relevan atau senjata yang mempertahankan umat Islam ialah kuda sebagai kenderaan dan pemanah, tombak, pedang dan sebagainya. Kalau zaman ini, Nabi akan berkata kepada orang-orang yang baru memeluk agama Islam: 'Awak mesti ada nuklear bom'. Kita tahu bila Nabi bawa agama Islam ke Taif, kita tahu dia dikejar keluar daripada Taif. Mereka baling batu kepada Nabi kerana mereka tidak percaya. Bukan mudah untuk menentukan orang yang jahil ingin menerima agama Islam.

Jadi kalau nak bercakap pada masa itu, tentulah relevan dengan perkara-perkara yang boleh difahami oleh orang yang menjadi sasaran Nabi untuk diislamkan. Sebab itu, disebut tentang senjata yang relevan pada masa itu. Kalau di zaman ini dia tidak pergi Kelantanlah. Kalau dia pergi ke Kelantan kerana ustaz tadi kata dia pergi Kelantan, kerana terdapat banyak pengikut Pas yang jahil di sana nak diislamkan. (Tepukan). Kalau Nabi datang di zaman ini, dia akan berkata kita perlu ada kereta kebal, pesawat pejuang, pesawat pengebom, kerana itu yang relevan kepada kita. Agama Islam bukan agama untuk 1400 tahun dahulu. Agama Islam adalah agama sepanjang zaman. (Tepukan) Sebab itu bila kita buat tafsiran berkenaan ayat-ayat Al-Quran, atau hadis dan sunah Nabi, kita mesti jadinya relevan dengan keadaan semasa

Keadaan semasa berbeza dengan dahulu. Ilmu pengetahuan kita sudah lebih banyak. Berkenaan dengan hukum hudud umpamanya kalau kita baca dalam Quran selain daripada menghendakkan saksi-saksi yang empat yang bebas daripada dosa yang besar untuk sesuatu jenayah. Selain daripada itu, yang utama dalam pengajaran agama Islam ialah keadilan.

Kalau kamu hukum, hukumlah secara adil. Yang ini disebut berkali-kali dalam Quran. Jadi walaupun kita perlu mengadakan saksi-saksi ini. Tetapi kalau kita tidak dapat saksi-saksi ini dan kita dapati hukum itu tidak boleh menjadi adil, maka kita perlu mengutamakan keadilan itu. Sebagai contoh, mungkin saya sudah cerita ini banyak kali. Kalau seorang wanita dirogol dan dia kenal sesiapa yang merogolnya, tetapi semasa dirogol tidak ada sesiapa yang melihat, tidak ada saksi, tidak ada witness, jauh sekali empat orang saksi yang baik-baik belaka, apa dia buat?

Empat orang duduk tengok saja tak buat apa? (ketawa) Tolonglah (ketawa). Kalau dia tak tolong, takkan dia orang tak berdosa. Tentu berdosa punya orang. Di zaman Nabi lain. Itu keadaan di zaman Nabi. Ini keadaan sekarang yang mana kita baca tiap-tiap hari kes rogol dan sumbang mahram.

Pakai ketayap dan pakai jubah tapi buat kerja yang tak baik. Semuanya kalau pergi ke mahkamah, wanita ini kata:

‘Saya dirogol.’ Tanya si hakim, ‘Awak ada saksi empat orang?’ Jawab wanita: ‘‘Dia rogol dalam bilik, tidak ada siapa pun, dalam rumah pun tidak ada siapa’’.

‘‘Ah! Itu bermakna awak membuat tuduhan yang tidak baik. Hukumnya rotan 80 kali dan orang yang merogolnya terlepas kerana tak ada saksi.’’ Itu adilkah? Bolehkah kita kata adil kalau tidak adil? Bolehkah kita kata itu Islam? Siapa kata undang-undang Islam tidak adil? Jangan tanya Pas. Jangan tanya sesiapa pun apakah undang-undang Islam akan menentukan ketidakadilan berlaku? Tidak sama sekali. Agama Islam menentukan keadilan mesti berlaku (tepuan). Ini orang yang kena rogol didera kena rotan, Yang merogol lepas begitu saja.

Tapi cerita tidak habis lagi. Kalau dia mengandung, dia lahir dapat anak. Itu adalah tanda dia telah berzina dan hukum zina ialah rejam dengan batu, bunuh orang tu. Anak tak bunuhlah. Tapi anak itu rupa semacam dengan orang itu. (ketawa) Tidak adalah misai macam orang itu tapi lama-lama akan ada misai macam orang itu juga (ketawa). Itu bukan ajaran Islam. Sebab itu apabila kita tegur tentang hukum hudud Pas Terengganu, maka mereka membuat pindaan kepada hukum Hudud.

Bolehkah kita pinda hukum Tuhan? Tidak boleh. Ini hukum Pas, Hukum Haji Hadi yang jahil. Jahil berkenaan agama Islam. Jangan kita fikir kerana dia tidak pernah pakai baju Melayu. Pakai jubah dengan serban, maka dia tahu agama Islam. Saya nak suruh dia pergi buat syarahan di luar negeri. Kata ini adalah hukum Hudud yang dikehendaki oleh agama Islam.

Nik Aziz boleh beritahu kepada Syeikh Azhar bahawa Tuhan mencarut selalu, Tuhan samseng. Haji Hadi pula kata orang yang dirogol mesti dihukum, orang yang perogol mesti dilepas. Ini kononnya ajaran Islam, tidak kena. Sebab itu UMNO mesti tentang orang ini dengan sekuat-kuatnya. Kita tidak panggil parti kita dengan nama Islam tetapi kita adalah pelindung dan pemelihara agama Islam di Malaysia ini. (Tepukan) Jangan takut kerana mereka berserban, mereka berjubah.

Serban dan jubah tidak menentukan orang itu kuat Islam atau pun tidak kerana yang pakai ketayap pun ada yang merogol. Oleh itu, yakinlah bahawa kita berjuang untuk yang benar mengikut kehendak ajaran Islam. Dan zaman ini kita ada cara-cara lain yang perlu kita guna yang zaman Nabi tidak ada, zaman sekarang ada. Zaman Nabi kalau nak pergi dari satu tempat ke satu tempat naik kuda ataupun naik unta. Sekarang ini, kalau kita pergi kerja, adakah kita naik unta atau kuda? Berapa orang yang naik unta daripada Mekah ke Madinah. Banyak yang jadi haji kini walaupun kopiah hitam. Saya pun haji dua kali, buat umrah banyak kali. Saya tak pernah naik unta melainkan naik unta di padang Arafah. Ada simpan unta dua ekor di situ, bayar beberapa riyal, boleh naik unta.

Sekali naik unta di piramid. Ada unta di situ, saya pun naik. Isteri saya pun naik. Saya berjalan, dia ikut belakang, semakin lama semakin jauh rupanya dia nak peras ugut. Dia minta duit daripada isteri saya. Isteri saya naik takut, bagi duit kepada dia. Zaman sekarang, kalau nak naik unta, semuanya di situ. Kalau kita ke Mesir ataupun ke Mekah, kita tengok motokar Mercedes, Cadillac, motokar Amerika yang besar-besar. Tak naik unta pun. Ini kerana di zaman ini, kita nak buat kerja haji sama dengan kerja haji yang dibuat zaman Nabi sendiri. Kita sekarang ni menggunakan sains yang menunjukkan ada DNA, yang keluar daripada darah ataupun apa-apa lagi yang dikeluarkan dan kita periksa. Kita boleh tahu darah atau air yang lain itu datang daripada siapa. Bahkan kita boleh ambil darah anak itu menentukan sama ada anak itu anak kepada sipolan dan sipolan. Ini semua diiktiraf benar daripada maklumat ilmu yang ada pada masa sekarang. Kalau kita sudah dapat bukti yang jelas seperti ini, apakah kita nak kata bukti ini tidak boleh diterima. Kerana ia tidak termasuk dalam cara menghukum yang kita belajar daripada al-Quran dan hadis.

Di zaman ini, kita terpaksa terima. Kalau tidak, ketidakadilan akan berlaku. Apabila ketidakadilan berlaku, bermakna kita tidak patuh kepada ajaran Islam yang berkata bawah bila kamu hukum, hukumlah dengan adil. Sebab itu, kita perlu menggunakan teknologi semasa yang akan menentukan bahawa segala yang dilakukan adalah tepat dengan ajaran dengan agama Islam. Kalau pun tak dapat empat saksi yang bebas daripada dosa besar, tetapi kita dapat bukti lain menunjukkan bahawa perkara jenayah itu memang berlaku.

Kita mesti tentukan keadilan akan berlaku kerana dalam Islam yang diutamakan ialah keadilan. Kita tidak berasa kita salah apabila kita menolak hukum hudud Pas. Antara Kelantan dan Terengganu pun tak sama. Macam mana begitu? Lepas itu Terengganu buat pindaan pula. Berapa kali nak buat pindaan? Bagi Pas, bila dia buat pindaan, tak apa. Tapi kalau kita nak buat sedikit pindaan berkenaan dengan agama Islam, itu salah.

Kita mesti terima semua tafsiran. Tafsiran adalah pendapat manusia biasa. Al-Quran tidak boleh diubah. Tetapi kita tahu ramai yang membuat tafsiran yang berbeza-beza di kalangan orang Islam. Sebab itu Islam yang dibawa oleh Nabi hanya satu. Adakah pada zaman Nabi ada Sunni dan Syiah? Tidak ada. Terbahaginya Islam kepada Sunni dan Syiah ialah kemudian kerana tafsiran yang dibuat oleh orang tertentu yang mempunyai fahaman yang berbeza. Selepas daripada itu kita dapat bermacam-macam tafsiran. Sunni sahaja mempunyai empat imam. Ada lagi yang lagi yang membuat tafsiran yang berbeza.

Syiah mempunyai 12 imam dan mereka juga mempunyai macam-macam kumpulan seperti orang Ismaili. Mereka yang dikehendaki kononnya oleh agama Islam supaya membunuh orang Islam lain. Ajaran apa ini? Ini semua tafsiran manusia biasa dan manusia biasa boleh buat salah. Quran tidak salah dan Nabi tidak salah. Agama Islam tak salah. Tapi orang yang membuat tafsiran adalah salah. Sebab itu hari ini orang Islam amat lemah sekali kerana banyak yang terdapat dalam al-Quran yang menyuruh kita membuat macam-macam itu tidak dipedulikan.

Yang diutamakan hanyalah fardu Ain. Fardu Ain untuk diri kita. Nak buat ibadat supaya kita dapat pahala. Supaya dapat ke syurga. Tetapi kita juga diwajibkan fardu Kifayah yang boleh menyelamatkan dan menjadikan kehidupan masyarakat Islam lebih baik dan dapat menyelamatkan mereka itu. Fardu Kifayah, kalau tidak ada usaha menyelamatkan orang Islam maka kita semua berdosa. Sebab itu, UMNO berusaha untuk memperkuat umat Islam di Malaysia ini untuk melepaskan kita daripada dosa.

Sembahyanglah macam manapun tetapi kalau yang ini tak buat, berdosa juga. Kita sudah sampai kepada satu tahap sehingga kita dapat menghantar pasukan tentera kita ke Bosnia untuk menyelamatkan orang Islam di sana. Apa yang Pas boleh buat? Itu dia nak pergi ke Iraq, nak pergi lawan dengan Amerika, pergilah.

Kita tak larang, pergi cari mati saja, buat apa? Nak lawan dengan orang, ukur dulu. Kalau saya nak lawan dengan Mike Tyson, mana boleh. Saya tak lawan dengan dia lah. Saya cari orang yang lebih kuat, bukan Mike Tyson yang ini. Jadi bila kita nak buat sesuatu, kita mesti rancang. Kita mesti susun strategi dan kita mesti sabar. Selama 46 tahun kita merdeka, semakin lama semakin kuat. Dulu orang tak tahu pun Malaysia. Tanya Malaysia di mana? Kononnya di negeri China, Himalaya atau dekat Singapura. Mana dekat Singapura? Singapura dekat kita. Sekarang ini pergilah. Mana-mana dunia. Kalau pergi Itali, kata Malaysia, mereka kata Sepang. Sepang F1. Kalau di negeri lain, Petronas Twin Towers. Macam-macam lagi ada di Malaysia yang menyebabkan mereka sekarang ni kenal Malaysia. Di mana-mana juga kita pergi, kita berani bercakap. Kita berani bercakap. Kalau tak kuat, kalau hanya minta tolong orang, minta tolonglah, kita miskin.

Tolong bagi RM1 juta, nak beli apa-apa. Kita tak minta duit daripada orang, kita tak minta pinjam pun melainkan kalau orang nak bagi sangat, macam Jepun. Dia nak bagi pinjam duit pada kita dengan bunga murah, okey lah. Bodohlah kalau kita tak pinjam tetapi kita tak bergantung kepada pinjaman atau bantuan daripada sesiapa. Sebab itu, apabila berlaku krisis mata wang, ramai yang menyuruh Malaysia hutang daripada IMF. Kita kata `no'. Kita hargai kebebasan kita tetapi kalau kita terlalu miskin, tidak ada kekuatan, nak tak nak pun kita terpaksa bergantung kepada orang. Bila kita bergantung kepada orang, orang akan menguasai kita.

Sebab itu, kita tidak bergantung dan kita mampu tidak bergantung. Ini bermakna usaha kita memperkasa bangsa kita sudah maju. Orang marahlah dalam ucapan saya, saya bercakap banyak berkenaan bangsa Eropah. Kadang kadang, ramai daripada kita nak cakap bangsa Eropah tetapi tak berani. Tengku Adnan kata pihak asing. Dalam ucapannya, dia kata pihak asing. Maksud dia orang putihlah. Arab pun putih juga tetapi dia maksud bukan orang putih yang Arab itu, bukan orang putih yang dari Afghanistan tetapi orang putih dari Eropah. Saya bodoh tak tahu nak cari perkataan yang baik jadi, saya kata bangsa Eropahlah. Sejarah mereka, tanya kepada mereka. Tetapi dia tak cakaplah. Kalau kita tanya baik-baik, dia katalah, dulu, kalau lintas saja `aborigines', dia tembak mati macam binatang. Itu sejarah mereka, yang saya cerita ini benar-benar bukan untuk kita benci kepada mereka. Tidak. Supaya kita tahu sifat-sifat yang ada pada mereka.

Bila kita nak runding dengan satu-satu orang, kita kena tahu dia punya sifat, personaliti dia. Kalau dia penyangak, kita runding secara penyangak. Kalau dia orang yang baik, kita runding cara baik. Sebab itu saya kata, kita mesti kenal bangsa ini kerana mereka akan memainkan peranan yang amat besar dalam kehidupan kita. Dalam masalah negara kita, mereka akan terus cuba menakluk kita. Sama ada secara fizikal ataupun secara mental. Mereka akan menakluk kita. Tengok video lucu yang ada ini. Dulu, adakah video lucu? Dulu tak ada. Sekarang ini bercambah-cambah. Datang daripada mana? Saya tak tahulah. Tapi saya ingat tentu kebanyakannya daripada Eropah dengan Amerikalah. Tapi katanya, orang sini sekarang belajar cari duit sikit.

Ada orang yang bertanya kepada saya, saya kata macam-macam kepada Eropah, nanti kita tak dapat pelaburan. Tapi puan-puan dan puan-puan, saya tahu sifat yang ada pada mereka. Kalau ada peluang buat duit, dia datanglah. Sebab itu, dalam laporan Herald Tribune ditulis `Mahathir Blast US and Britain. They want to control the world again, he tells Malaysians. Mahathir strong criticism of the West'. Tapi diselit dalam itu: ``Some said his remarks Thursday would likely to have little real impact on Malaysia's relationship with the foreign business community." Ya. Dengan orang bisnes mereka, dia tak datang menjajah kita. Kita boleh buat baik. Dengan orang yang datang bawa senapang, meriam kita payahlah sikit nak buat baik.

Kalau jenis yang pergi ke Iraq itu, kita tak bolehlah buat baik. Kalau kita buat baik nanti, kita dijajah oleh mereka. Nak mempertahankan diri kita bukanlah mudah. Memang sukar, kita nak mempertahankan diri kita. Kita mesti bangunkan negara kita. Memperkayakan negara kita. Melatih orang kita. Cara-cara mempertahankan negara kita, mengadakan pasukan tentera dan sebagainya. Tetapi dalam perjuangan kehidupan kita, satu cara yang akan menentukan kekalahan kita ialah mencari cara yang mudah. Sebab itu, saya selalu tegur. Kadang-kadang kita orang Melayu suka cari jalan yang mudah.

Jangan cari jalan yang mudah. Cari jalan yang baik walaupun tidak mudah. Membangunkan negara kita mengambil masa. Perkayakan negara kita mengambil masa. Melatih rakyat kita dalam semua bidang mengambil masa. Kita terpaksa perah otak untuk memperkuatkan negara kita. Tetapi sedikit demi sedikit kita sudah sampai ke satu tahap yang mana kita mampu untuk menolong umat Islam di negara lain.

Kita mampu untuk bercakap dengan terus terang, mengkritik, walaupun mereka adalah orang yang lebih berkuasa daripada kita. Mengambil masa dan susah. Tak mudah. Tetapi kalau kita ambil jalan mudah, percayalah negara kita akan tergadai pada orang lain. Sejarah kita menunjukkan, betapa mudahnya kita mencari jalan mudah dan hilang kuasa. Di zaman dulu di negeri Kedah, raja berhak mengutip cukai tetapi takkanlah dia mengutip sendiri. Tentu ada kakitangan dia, pegawai dia dan sebagainya yang mengutip cukai bagi dia. Tetapi yang dapat kepada raja sedikit sangat kerana sepanjang jalan itu poket banyak.

Dia masuklah poket sana, poket sini dan bila sampai kepada raja, dapat sedikit sahaja. Datang tauke Cina, dia kata kepada Tuanku, dia boleh bagi 10 kali ganda wang cukai yang dikutip oleh raja lebih banyak, gerenti boleh bagi banyak, 10 kali ganda. Lebih daripada itu pun boleh dan raja pun senang bagi pada Cina ini. Dia dapat duit lebih banyak. Jadi monopoli cukai telah diberi kepada seorang kapitan Cina di Kedah. Bukan sahaja monopoli cukai, monopoli candu pun diberi kepada Cina dan pegawai-pegawai Melayu ini, poket kosonglah. Melainkan pergi cari Cina tu jugalah.

Bukan saya nak marah kepada orang Cina. Itu peluang bagi dia. Tetapi lebih dahsyat lagi ialah bagaimana kita membenarkan diri kita dijajah. Datang British, dia bukan bawa tentera. British tak bawa tentera. Dia jumpa dengan raja-raja dia kata ``Saya akan bagi full pension. Tuanku tidak perlu kerja lagi. Akan ada kereta Rolls Royce, payung kuning dan istana yang besar tetapi saya akan memerintah."

Senang bukan main. Tak buat kerja apa, dapat political pension, dapat istana, dapat payung kuning, dapat kereta Rolls Royce, apa lagi nak. Inilah cara yang baik. Mudah. Dengan itu kita serah kuasa kita, negara kita kepada British kerana nak dapat payung kuning. Murahnyanya, sebab itulah kita dijajah. Di zaman ini pun, kita juga cari cara yang mudah. Kalau kita dapat peluang, jual peluanglah. Apa nak buat kerja. Orang Kedah kata `melentang abau'. Jangan cari cara yang mudah kerana cara yang mudah ini akan menyebabkan kita hilang kedudukan kita.

Cari cara yang baik yang boleh memberi pengetahuan kepada kita, kebolehan kepada kita, insya-Allah, kita akan berjaya. Lambat sikit tak apa. Tunggulah. Sabarlah. Sesungguhnya Allah itu bersama-sama orang yang sabar. Agama kita menyuruh kita sabar. Kalaupun susah kita takpalah. Hari ini kita tak kaya sangat, esok kita boleh jadi kaya. Saya lihat ramai daripada anak-anak Melayu yang betul-betul bekerja kuat, hari ini sudah sampai ke tahap kemajuan. Sehingga mereka tersenarai di antara orang terkaya di Malaysia. Dulu takda Mustafa Kamal, Syed Mokhtar yang `billionaire' pun bercambah sekarang ini. Yang buat kerja betul pun ada juga, yang buat kerja tak betul pun ada jugalah.

Sekarang ni, banyak yang boleh buat macam-macam. Saya tengok usaha yang dibuat oleh wanita dipamerkan dalam pameran di bangunan ini. Siapa boleh percaya wanita boleh keluarkan benda yang saya tengok pelik. Macam mana dia buat dengan besi. Kita boleh kalau kita nak buat, tetapi sabarlah sikit. Sebab itu, kalau kita nak bagi pinjam, kita lebih suka bagi pinjam kat wanita. Dia tak payah cagaran pun tak apa. Ada yang kata bank-bank ni susah sangat nak bagi pinjam. Susah benar nak dapat pinjaman dari bank. Yalah, bank ini cukup jahat, macam-macam kita buat kat dia, suruh bagi mudah bagi pinjam. Tapi saya nak tanya, kalau duit kita, kita nak kena bagi pinjam pada orang, sanggupkah kita bagi pinjam pada orang yang tak pernah bayar hutang.

Nama Melayu tercemar kerana beberapa kerat orang Melayu bila hutang tak bayar. Bayarlah! Hutang MARA pun bayarlah. Setengah kata, ini duit kerajaan, bayar buat apa? Kalau kita tak bayar, bukan kita untung, rugi. Bangsa kita rugi. Orang tak percaya kepada kita nak pinjam pun susah. Tapi kalau kita susah payah macam manapun bayar hutang, esok kita pergi kat ceti, pun dia bagi pinjam. Ini kita kadang-kadang bukan apa, malas sikit je.

Saya ingat nak bayar, tapi dok ingat nak bayar je, tak bayarlah juga. Dia kata, dia bukan buat tetapi hendak buat. Hakim kata nak buat dengan buat sama. Itu salah. Hukumulah, dia kena denda. Lepas itu, seminggu, dua minggu, sebulan, dua bulan, dia tak bayar denda. Hakim panggil dia. Saman dia. Tanya, pasal apa tak bayar denda. Dia kata, hendak bayar dengan bayar sama.

Alhamdulillah segala puji bagi Allah S.W.T, kita dapati parti kita semakin besar. Jumlah ahli kita sudah lebih daripada tiga juta ahli. Tetapi ingat jumlah orang Melayu ialah 11.7 juta. Bermakna bagi tiap-tiap empat orang Melayu, cuma seorang sahaja menjadi ahli UMNO. Bukanlah saya hendak suruh pergi panggil semua orang menjadi ahli UMNO. Kita kerja kuat. Pemuda, Wanita, Puteri kerja cukup kuat untuk menarik ahli UMNO. Tetapi walau macam manapun, kita tarik orang untuk menyertai UMNO pun, tidak mungkin ia menjadi majoriti. Melainkan di Johor sahaja yang mana majoriti orang Melayu menjadi ahli UMNO. Tahniah kepada negeri Johor. Tetapi kita harus ingat, lebih ramai yang tidak menjadi ahli. Sebab itu, kita tidak boleh fikir semata-mata untuk UMNO sahaja. Kita kena fikir untuk orang yang bukan UMNO juga. Kadang-kadang kita percaya bahawa sebagai ahli UMNO, kita mesti mendapat layanan yang istimewa. Kalau ada kontrak hendak bagi, bagilah kepada UMNO sahaja. Jangan bagi kepada orang lain.

Tetapi bila datang pilihan raya, kita pergi cari orang lainlah. Hendak undi dia. Kalau tidak dapat undi dia, tidak boleh menang kerana ahli UMNO sahaja tidak cukup. Jadi dalam perkara ini, kita mesti bertimbang rasa kepada orang yang bukan ahli, kepada ahli yang bukan pemimpin dan yang menjadi wakil dalam dewan ini. Jadi, kita kena ambil kira orang lain sama. Sekarang ini persaingan untuk mendapat kontrak bukan lagi antara orang Melayu dengan orang Cina atau pun orang India, sekarang ini persaingan ialah antara orang Melayu dengan orang Melayu.

Jadi, kita hendak pilih satu orang sahaja untuk bagi semua kepada dia. Tak bolehlah. Kenalah ada persaingan, sekurang-kurangnya sesama orang Melayu. Janganlah fikir yang kenal dengan si polan-si polan sahaja yang patut dapat. Lebih-lebih lagi jika kenal Perdana Menteri, bolehlah dapat. Kita kenal dengan Perdana Menteri orang lain tidak kenal, jadi kitalah patut dapat. Itu tidak baiklah. Orang yang lain pun, yang tidak kenal

saya pun boleh juga. Bagilah chance kepada dia orang. Kita bersaing dengan dia, sesama orang Melayu. Saya amat bersyukur kerana jelas sekali daripada ucapan-ucapan yang dibuat oleh bukan sahaja oleh jurucakap-jurucakap kita tetapi naib-naib Presiden dan Timbalan Presiden dan lain-lain nampaknya tidaklah akan berlaku rebutan untuk jawatan dalam parti. Saya khuatir benar kalau ada rebutan kerana kita belum faham etika demokrasi. Sepatutnya kalau kita bersaing dan bertanding tidak mengapa, Bila kalah kita akur kepada yang menang.

Tetapi kadang-kadang kita berasa begitu kecewa sehingga kita buat angkara dalam parti. Tetapi kalau tiada pertandingan, masing-masing akan patuh kepada keputusan yang akan dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri apabila dianya menjadi Perdana Menteri. Maka parti kita akan selamat tetapi seperti yang saya katakan tadi. Sementara tidak ada pertandingan untuk jawatan-jawatan tertentu apabila kita menamakan calon besok, bila diadakan pilihan raya kita terpaksa menamakan calon. Saya sarankan supaya kalau tidak ada, cuma satu sahaja ada calon dan semua orang sokong kepada dia, maka dia patutlah diberikan pertimbangan yang sewajarnya oleh Presiden parti.

Tetapi kalau ada lebih daripada satu, maka semua pihak mesti beri pengakuan siapa sahaja yang dipilih mereka akan beri sokongan kepada orang yang terpilih. Tidak payahlah hantar rombongan, tak payah ada telefon, tak payah tulis surat rayu, Bila dinamakan orang itu sebagai calon, kita anggap dia sebagai calon parti. Bukan si polansi polan tetapi dia adalah calon parti dan kita semua akan bekerja kuat untuk memberikan kemenangan kepadanya kerana kita harus ingat kemenangannya adalah kemenangan parti dan kemenangan parti adalah kemenangan perjuangan UMNO untuk bangsa, agama dan tanah air.

Saya ucapkan banyak-banyak terima kasih kepada semua yang menyatakan sokongan dan memberi kata-kata perangsang kepada saya dan saya yakin jika semangat ini dapat dikekalkan bila sampai pilihan raya kita akan sapu bersih. Inilah kali terakhir saya buat ucapan penggulungan ini. Tahun depan saya tidak buat ucapan ini tetapi insya-Allah saya akan ada juga. Hendak rasa duduk di bawah. Dia punya feel dia lain sikit. Semasa saya ada di sini pun ada kalanya saya pergi duduk di belakang sekali untuk hendak lihat apa dia gambaran di sini.

Selepas daripada ini, saya ada peluang itu dengan lebih banyak lagi. Saya diajar oleh emak saya iaitu bila makan tengah sedap masa tu kena berhenti. Susah, bila tengah makan tu hendak berhenti, susah. Memang susah. Saya tengah sedap jadi pemimpin, jadi Perdana Menteri, jadi Presiden tetapi mengingati nasihat ibu saya, saya buat keputusan untuk berhenti. Jangan berhenti apabila dihalau keluar. Jangan berhenti sewaktu kita tidak popular jangan berhenti setelah kita rosakkan parti. Sebab itu saya bersyukur kerana jelas sekali bahawa UMNO telah dipulih dengan baiknya.

Saya berdoa bahawa semangat yang ditunjuk pada hari ini dapat dikekalkan, saya ucap banyak terima kasih kepada semua pihak, pada Majlis tertinggi, pada perwakilan, pemerhati, Puteri, Wanita, Pemuda dan juga orang dewasa, kepada pekerja-pekerja UMNO dan pihak sekuriti yang menjaga keselamatan kita semasa kita bersidang empat hari ini, di sini. Terima kasih juga kita ucapkan kepada Timbalan Pengerusi dan penolong Pengerusi dan tidak lupa kepada pengerusi tetap kita yang uzur yang tidak dapat ada bersama dengan kita pada hari ini.

Alhamdulillah kita telah bersidang dengan baik, kita telah dengar macam-macam ucapan dan saya hendak ikutlah tradisi jurucakap-jurucakap kita dengan cuba hendak pantun sebelum saya tamat. Panjang juga pantun tetapi harap sabar. Pantunnya berbunyi seperti ini:

Pantun Seloka penyeri majlis, Pembuka, penutup tidak kira masa, tahniah pembahas sungguh kritis usul dibahas berbalas pantun jadinya.

Regim Change tema terbaru, hasutan beracun musuh bangsa,jangan termakan pujuk dan rayu, kelak tergedai tanah tercinta.

Bersatu teguh bercerai roboh, kata azimat pusaka berzaman,alaf baru penuh penceroboh, rapatkan bangsa musuh dipertahan.

Berabad derita hidup terjajah, Nikmat merdeka baru terasa,Lagak bersantun bangsa Eropah, Sandiwara menjerat bangsa Merdeka.

Setiap permulaan ada akhirnya, Menjadi peringatan kepada hamba,Kuasa dan jawatan bukan segalanya, berkhidmat kerana bangsa dan negara.

Kepimpinan berganti amalan tradisi, Tradisi UMNO gemilang budaya,Pemimpin datang bersilih ganti, Mewarisi perjuangan bangsa kita.

22 tahun mencurah bakti, untuk agama bangsa dan pertiwi, kini masa untuk pergi, ketika UMNO gagah berdiri.

Semua berdoa menitis air mata, mengenang nasib anak bangsa,wahai Melayu jangan bersengketa, mengelakkan dari porak-peranda.

Pemuda di kanan Puteri di kiri, Wanita pula tengah teguh berseri, usah pentingkan diri sendiri, dulukan bangsa utamakan parti.

Para perwakilan dan semua ahli bersetia semua bersatu hati,saya pergi Pak Lah ganti, UMNO teguh sudah pasti.

Izinkan saya beredar pergi, memberi ruang pada Pemuda,melupakan UMNO tidak sekali, Terus berjuang walau bersara.

Sekian.